

# SEJARAH DAN PERKEMBANGAN SIFAT 20 DI NUSANTARA<sup>1</sup>

Ustaz Muhadir bin Haji Joll<sup>2</sup>

## Muqaddimah

*Alhamdulillah*, kita ditaqdirkan beraqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah, aqidah yang selamat dan diterima Allah Taala. Dunia Melayu Nusantara juga ditaqdirkan beraqidah sedemikian. Aqidah, tidak syak lagi, adalah anugerah paling bernilai dalam kehidupan seorang insan, untuk menentukan diterima atau tidaknya amalan seseorang, seterusnya menentukan sama ada dia selamat atau tidak di hari kemudian (hari akhirat).

Kerana mulianya *maudhu'* (isi) perbahasan dalam aqidah (iaitu Allah Taala dan Rasulullah), maka ilmu aqidah dianggap sebagai ilmu yang paling mulia mengatasi ilmu-ilmu yang lain.

Tulisan ini berusaha memaparkan sejarah ringkas perkembangan Sifat 20 di Nusantara (dunia Melayu) sebagai suatu manhaj (metode) Ahlus Sunnah wal Jamaah dalam mentauhidkan Allah *Subhanahu wa Taala*.

## Kitab Membicarakan Sifat 20 di Dunia Melayu

Sebuah manuskrip tanpa judul, pengarang dan tanpa tahun, dikatakan paling awal dijumpai di alam Melayu. Ia adalah petikan daripada kitab *Bahr al-Lahut*<sup>3</sup> yang ditulis pada abad ke 6H/ 12M oleh Abdullah al-Arif, seorang pendakwah Arab<sup>4</sup>.

Mengikut Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), telah mengemukakan bahawa Sifat 20 yang paling ulung di Nusantara adalah pada akhir abad ke-11H /17M dalam kitab tasawuf karangan Syeikh Abdul Rauf Singkil<sup>5</sup> yang bertajuk '*Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*'.

Sebenarnya, masih terdapat penulisan-penulisan yang membicarakan tentang Sifat 20 sebelum kitab '*Umdah al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufarridin*'.

Mengikut guru kami, Al-Mu'arrikh Syeikh Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (m. 1428H/ 2007M), Sifat 20 pernah dibincarakan kali pertama oleh seorang ulama Kedah yang sezaman dengan Syeikh

1 Kertas kerja ini dibentangkan dalam Konvensyen Aqidah, "Menelusuri Pendekatan Sifat 20", anjuran Persatuan Mahasiswa Ilmu Wahyu dan Warisan Islam, UIAM pada Ahad, 20/9/2015 di Dewan Utama, UIAM Gombak. Tulisan ini banyak diambil daripada tulisan Dr. Masakaree Ardae @ Nik Muhammad Syukri Nik Wan, Dekan Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah, 33000 Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia yang berjudul "**Kesepakatan Ajaran Sifat 20 di Alam Melayu**". *Jazahullahu khairan*.

2 Penasihat Syariah, Galeri Ilmu Media Group, mantan pensyarah Jabatan Ilmu dan Warisan Islam, UIA, PJ.

3 Kitab ini tidak membicarakan secara khusus keseluruhan Sifat 20 bagi Allah, tetapi sebahagiannya sahaja.

4 dilahirkan pada 472H /1080M

5 Beliau ialah Syeikh Abdul Rauf bin Ali Singkil al-Fansuri (1024-1106H /1615-1695 M). Berasal daripada Fansur (Barus), Singkil, Aceh. Kira-kira pada tahun 1052H /1642 M, beliau datang ke tanah Arab. Selama di negeri Arab, beliau menuntut ilmu pengetahuan di sepanjang jalan haji, dari Dhuha, Yaman, Jeddah, dan akhirnya di Makkah dan Madinah. Pada tahun 1661M, beliau kembali ke Aceh. Pada tahun 1665M, beliau dilantik menjadi Qadi Malik al-'Adil atau Mufti kerajaan Aceh Dar al-Salam pada zaman Ratu Safiatuddin. Syeikh Abdul Rauf Singkil dikenali sebagai pembawa tarekat Syattariyyah ke Indonesia.

Syamsuddin al-Sumatra'i (m. 1039H/1630M) iaitu Syeikh Ahmad bin Aminuddin Qadhi, dalam sebuah kitab Tauhid tanpa judul yang selesai ditulis pada tahun 1032H/ 1622M<sup>6</sup>.

Selain ulama Kedah, ia turut dibicarakan oleh Syeikh Nuruddin ar-Raniri<sup>7</sup> (m. 1069H/ 1658M) dalam naskhah *Jawahir al-'Ulum fi Kasyf al-Ma'lum*.

Pada abad ke-12H/ 18M, ajaran Sifat 20 daripada Imam Sanusi telah menjadi sebuah kurikulum yang penting dalam sistem pengajian Islam di Makkah. Bahasa Arab merupakan bahasa pengantar secara rasmi. Terdapat beberapa orang guru di kalangan tokoh ulama Melayu yang mengajar, antaranya Syeikh Muhammad Zain<sup>8</sup>.

Pada zaman inilah, ramai orang-orang Melayu dari Nusantara yang mengunjungi kota Makkah untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi.

Disebabkan kekurangan pengetahuan tentang Bahasa Arab, para guru bertindak menyediakan teks baru berbahasa Melayu tulisan Jawi.

Maka pada 1170H/ 1757M, lahirlah kitab *Bidayah al-Hidayah*<sup>9</sup> karangan Syeikh Muhammad Zain sebagai huraian kepada penulisan *Umm al-Barahin* karangan Imam Sanusi. Kitab tersebut kemudiannya dijadikan teks utama pengajian ilmu Tauhid di kota Makkah bagi pelajar-pelajar yang baru tiba dari rantau Nusantara, khususnya sebelum mereka menguasai Bahasa Arab.

Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi telah kembali ke Aceh dan menjadi seorang ulama terkemuka pada zaman Kesultanan Aceh, iaitu pada masa pemerintahan Sultan Alauddin Muhammad Syah (1174-1195H / 1760-1781M).

Pada tahun 1212H/ 1797M, seorang ulama dari Betawi (kini Jakarta, Indonesia), yang bernama Syeikh Kemering, telah mengemukakan ajaran Sifat 20 daripada Imam Sanusi dalam sebuah penulisan yang bertajuk *Surat Sifat Dua Puluh*<sup>10</sup>.

Selepas kelahiran kitab *Bidayah al-Hidayah*, tidak berapa lama, lahirlah beberapa buah hasyiah seperti: *Hasyiyah al-Syaikh 'Abd Allah bin Hijazi al-Syarqawi 'ala Syarh al-Imam al-'Allamah Muhammad bin Mansur al-Hudhudī 'ala Umm al-Barahin*, karangan Al-Syarqawi pada tahun 1194H; diikuti dengan *Hasyiyah al-Dusuqi 'ala Umm al-Barahin*, karangan Al-Dusuqi pada tahun 1214H; dan *Hasyiyah al-'Allamah al-Bayjuri 'ala Matn al-Sanusiyyah*, karangan Al-Bayjuri pada tahun 1227H (tp, t.th.).

---

6 manuskripnya ada tersimpan di Pusat Manuskip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia dengan nombor pendaftaran: MS.1092.

7 Beliau ialah Nuruddin bin 'Ali ar-Raniri asy-Syafi'i. Berketurunan Hadrami yang berasal dari Ranir, Gujarat, India. Setelah beliau tamat pengajiannya di Makkah, beliau belayar ke Aceh. Beliau tiba di Aceh pada tahun 1047H/ 1637M dan tinggal di situ selama 7 tahun (1637-1644M). Pada masa pemerintah Sultan Iskandar

Thani (1636-1641M), beliau diangkat menjadi Mufti Aceh dan meninggal dunia pada 22 Zulhijjah 1069H/ 21 September 1658M.

8 Beliau ialah Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, berasal dari Aceh.

9 selesai ditulis di Makkah pada 1170H/ 1757M.

10 Penulisan ini terdapat di Perpustakaan SOAS (School of Oriental and African Studies), Universiti London, MS.11576.

Kelahiran hasyiah-hasyiah terbaru telah mendesak para ulama untuk mengubah teks pengajian dengan mengumpulkan pengetahuan-pengetahuan yang dimiliki oleh para ulama, yang pakar dalam bidang ilmu Usuluddin dan akidah Tauhid.

Dari sini lahir pula sebuah kitab dalam bahasa Melayu, iaitu ***Al-Durr al-Thamin fi Bayan ‘Aqa’id al-Mu’mimin***, karangan seorang ulama Patani yang pernah berguru dengan Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, iaitu Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani.

Maka, dapat disalurkan dengan mudah kepada golongan sasaran yang tidak mahir berbahasa Arab.

Kedua-dua teks tersebut pada asalnya ditulis hanya untuk menjadi teks pengajian ilmu Tauhid dalam bahasa Melayu di Makkah.

Menjelang tahun 1276H/ 1860M, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua di Makkah setelah bahasa Arab. Berkemungkinan dengan jumlah anak Melayu yang begitu ramai telah mendorong perasaan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani 1351H/ 1870-1933M), yang berada di sana mentashihkan kitab ***Bidayah al-Hidayah*** pada pagi hari Sabtu, 20 Rejab 1303H/ 1885M.

Rentetan jasa Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, kitab ***Bidayah al-Hidayah*** telah dicetak di beberapa percetakan di Makkah, Mesir, dan Turki; dan sampai sekarang masih berada di dunia perniagaan.

Pada tahun 1292H/ 1874M, seorang ulama di Sambas, Kalimantan Barat, telah mengemukakan secara berselindung dalam huraiyan ***Matn Jawharah al-Tauhid***.

Pada 1304H/ 1886M, Sayyid Osman bin Abdullah bin Aqil bin Omar bin Yahya al-‘Alawi atau Habib Osman (1238-1333H/ 1822-1914M), Mufti Betawi, telah menyelesaikan sebuah huraiyan lengkap tentang sifat-sifat Allah dengan judulnya ***Sifat Dua Puluh***.

Pada hari Sabtu akhir bulan Jamadi al-akhir 1308H/ 1890M, penulisan Sifat 20 ***Umm al-Barahin*** telah dihuraikan oleh Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, atau Tuan Minal al-Fatani, dalam ***Aqidah al-Najin fi ‘Ilm ‘Usul al-Din*** dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Kitab ini telah dicetak kemudiannya di percetakan Dar al-Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah di Kaherah, Mesir. Dan turut dicetak juga di percetakan Muhammad Nahdi wa Awladah di Bangkok, Thailand.

Selain ***Aqidah al-Najin fi ‘Ilm ‘Usul al-Din***, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani juga telah membuat kesimpulan huraiyan beliau terhadap ajaran Sifat 20 daripada Al-Imam al-Sanusi, dalam sebuah risalah yang berjudul ***Miftah al-Murid fi ‘Ilm al-Tauhid*** dan dicetak kemudiannya di percetakan Persam di Pulau Pinang, Malaysia.

Pada 16 Muharam 1323H, bersamaan dengan 1905M, Muhammad bin Yahya, Terengganu, telah menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu tulisan tangan berhuruf Jawi dan diberi nama dengan

*Mukhtasar Zaydah al-Tauhid fi Bayani al-'Aqa'id* atau *Mukhtasar Pati Tauhid pada Nyatakan 'Aqa'id al-Din*, terjemahan ini telah dicetak di Percetakan Singapura.

Pada sekitar awal abad ke-20M, penulisan Sifat 20 **Umm al-Barahin** pernah diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh seorang ulama yang belum dikenal pasti namanya. Terjemahan tersebut pernah dicetak di Patani, Thailand, dan diulangkan lagi cetakannya di kedai buku Sulayman Mar'i di Surabaya, Jawa Timur, Indonesia.

Pada 1366H/ 1946M, Abdul Hamid Fadl, Besut, Terengganu, yang pernah berguru dengan bekas murid Abdul Samad, iaitu Tok Kelaba al-Fatani (1280-1367H/ 1863-1948M), telah menulis sebuah risalah sebagai kesimpulan kepada huraian-huraian dan hasyiah-hasyiah, dan diberi nama dengan **Pungkal Umbi Ugama** dan dicetak kali pertama di Al-Kamaliyyah, Kota Bharu, Malaysia, pada tahun 1367H.

Pada tahun 1380H/ 1960M, Abdullah bin Haji Ibrahim bin Abdul Karim al-Fatani, yang berada di wilayah Jala atau Yala, selatan Thailand, telah menyelesaikan sebuah syarah **Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id**, karya Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Beliau kemudiannya menamakan huraian tersebut dengan **'Umdah al-Talib al-Mujtahid fi Syarh Faridah al-Fara'id**.

Selain itu, terdapat beberapa naskhah manuskrip lain yang membicarakan tentang Sifat 20 dengan tanpa nama pengarang atau penyalin dan tanpa tahun dikarang, seperti naskhah manuskrip tanpa judul yang tersimpan di Perpustakaan A. Hasjmy, dua naskhah lain yang tersimpan di Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh (PDIA) dan Durrah al-Fakhirah bi 'Awn al-Mulk yang tersimpan juga di Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, Indonesia, No.Reg.076.

Pada awal abad ke-21M, ajaran yang berkaitan dengan Sifat 20 masih lagi ditulis dan dikaji oleh para ulama' di alam Melayu.

## Kesimpulan

Ajaran Sifat 20 telah muncul di alam Melayu pada abad ke-17M, melalui penulisan-penulisan beberapa orang ulama, antaranya ialah Syeikh Ahmad bin Aminuddin Qadhi, Syeikh Nuruddin ar-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf Singkil.

Pada abad ke-18M, penulisan Sifat 20 **Umm al-Barahin** mulai diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syeikh Muhammad Zain Faqih Jalaluddin al-Asyi, diikuti dengan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, dan disebarluas kemudiannya oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani pada abad ke-19M.

Sekalipun ia dikenali dengan pelbagai nama, namun di alam Melayu ia lebih dikenali dengan Sifat 20 hingga ke hari ini.

## Lampiran

Tidak sedikit para ulama' *mu'tabar* yang menulis dan menghuraikannya sejak dahulu sampai sekarang antara mereka:

- 1) Abu Bakar Syatha ad-Dimyathi yang masyhur dengan panggilan As-Sayyid al-Bakri di dalam kitabnya *I'anah ath-Tholibin* (1/25)
- 2) Al-Bajuri pengarang *Syarh Jauhar at-Tauhid*
- 3) Ahmad al-Marzuqi pengarang *Aqidah al-'Awwam*
- 4) Al-Hafiz An-Nawawi di dalam kitabnya *Al-Maqashid*
- 5) Abu Hanifah di dalam *Al-Fiqh al-Akbar*
- 6) Abd al-Majid asy-Syarnawi dalam *Syarh Ta'iyyah as-Suluk* (ms. 60 dan 125)

Ulama'-ulama' kita di dunia Melayu juga menulis dan membahaskannya terutama sekali Sifat 20 ini dalam karangan mereka dalam Bahasa Arab dan Bahasa Melayu tulisan Jawi termasuklah:

- 1) ورد الزواهر حل ألفاظ عقد الجواهر (karangan Al-Alim al-Allamah al-'Arif Ar-Rabbani Syaikh Daud bin Syaikh Wan Abdullah al-Fathani, Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1421H/ 2000M. Mengikut Tuan Guru Haji Wan Mohd Shagir, ia adalah kitab *Ushuluddin*/ aqidah yang terbesar di dunia Melayu.
- 2) الدرر الثمين فد مياتكن اعتقاد سکال اورغ يع مؤمنين (karangan Al-Alim al-Allamah al-'Arif Ar-Rabbani Syaikh Daud bin Syaikh Wan Abdullah al-Fathani, Cetakan Dar al-Ma'arif, tanpa tahun, Pulau Pinang.
- 3) فريدة الفرائد في علم العقائد
- 4) عقد الجمان في عقائد الإيمان
- 5) رسالة منجية العوام لنهج الهدى من الظلام
- 6) رسالة جمانة التوحيد
- 7) كتاب سبیل السلام في شرح هداية العوام (semua kitab-kitab ini – dari no. 3 hingga no. 7 – adalah karangan Al-Alim al-Allamah Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fathani. Tuan Guru Haji Wan Mohd Shagir telah menghimpun kesemua kitab ini di dalam transliterasi kitab , فريدة الفرائد في علم العقائد , Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, 1422H/ 2001M).
- 8) عنوان الفلاح وعنوان الصلاح (karangan Al-Alim al-Allamah Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fathani, Khazanah al-Fathaniah, Kuala Lumpur, tahun 1425H/ 2004M
- 9) بحجة المبتدئين وفرحة المجتدين (karangan Al-Alim al-Allamah Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa bin Muhammad al-Fathani, Khazanah al-Fathaniah, Kuala Lumpur, tahun 1421H/ 2000M

- 10) **عقيدة الناجين في علم أصول الدين** karangan Al-Alim al-Allamah al-Fahhamah Syaikh Zain al-'Abidin bin Muhammad al-Fathani, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.
- 11) (**متن أُم البراهين** syarah) **بداية الهدایة** (Al-Allamah al-Fadhil Syaikh Muhammad Zain bin al-Faqih Jalaluddin, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang).
- 12) **سراج الهدى فد مياتكן عقيدة أهل التقوى** (Al-Humam al-Fadhil wa al-'Amil Syaikh Muhammad Zain ad-Din bin Muhammad Badawi as-Sambasi, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang).
- 13) **عطية الرحمن فد مياتكן قواعد الإيمان** (Al-Alim al-Allamah Syaikh Muhammad Azhari bin Abdullah al-Falimbani, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang).
- 14) **كفاية الغلام في بيان أركان الإسلام وشروطه** (Syaikh Ismail Minangkabau, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang).
- 15) **هدایة الصبيان في معرفة الإسلام والإيمان** (Al-Alim al-Allamah Abu Abdullah Husain Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari dikenali dengan nama Tuan Husain Kedah, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang).
- 16) **مفتاح الجنة** (Al-Alim al-Allamah Abu Abdullah Husain Nasir bin Muhammad Tayyib al-Mas'udi al-Banjari dikenali dengan nama Tuan Husain Kedah, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang).
- 17) **كتاب أصول التحقيق** (Al-Faqir: tidak disebut pengarangnya. Mengikut pengamatan *Al-Faqir*, kitab ini bukanlah kitab **شرح أصول التحقيق** yang ada ini kerana terdapat perbezaan cara penyusunan isi kitab. Dalam kitab ini – kitab ***Ushul at-Tahqiq*** – perbincangan ditulis dalam bentuk soal dan jawab. **وَاللَّهُ أَعْلَم**, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.
- 18) (,) **بِاكُورَةُ الْأَمَانِيِّ تَبْصُرَةُ الْأَدَانِيِّ بِالْحَانِ بِبِاكُورَةُ الْأَمَانِيِّ** (syarah), karangan Al-Alim al-Allamah Syaikh Ismail bin Abd al-Qadir al-Fathani, Fathani Press, Thailand, 1382H.
- 19) **رسالة التوحيد** (Al-Faqir: tidak pasti tarikh sebenar). karangan Ustaz Abdul Ghani Yahya dan Ustaz Umar Yusuf, Cetakan Al-Ahmadiyah Press Sdn Bhd, Johor Baharu, 1372H/ 1952M.
- 20) **كتاب صفة دوا فولوه** (Al-Faqir: tidak pasti tarikh sebenar). karangan Syaikh Uthman bin Abdullah bin Yahya, 1302H (Al-Faqir: tidak pasti tarikh sebenar).
- 21) **كشف الأسرار** (Al-Faqir: tidak pasti tarikh sebenar). karangan Syaikh Muhammad Soleh bin Abdullah Minangkabau, Cetakan Kedua Puluh sembilan, Cetakan Al-Ahmadiyah Press, Singapura, 1390H.
- 22) **زاد المتعلم** (diguna pakai untuk sekolah-sekolah umum di negeri Perak), karangan Ibn 'Aqil, 1958M.

23) **وشاح الأفراح واصباح الفلاح** karangan Syaikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.

24) **مطلع البدرين وجمع البحرين**, karangan Syaikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fathani, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang.

25) **فروكون سمهيغ** karangan Haji Abdul Rasyid Banjar, Cetakan Dar al-Ma'arif, Pulau Pinang dan lain-lain.